



**MEDIA ONLINE /  
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

**31 MEI 2017**

**Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat**

## ISU: KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	31 MEI 2017 (RABU)	<b>SINAR HARIAN</b> Tangan hancur tersepit mesin pengisar daging	<b>JKKP</b> <b>BBP</b>

### AKHBAR: SINAR HARIAN

#### Tangan hancur tersepit mesin pengisar daging



Tangan mangsa yang hancur selepas tersepit di mesin pengisar daging. Foto : Bomba

**KLANG** - Malang tidak berbau. Itu nasib yang menimpa seorang pekerja wanita apabila tangan kanannya hancur selepas tersepit dalam mesin mengisar daging dalam satu kejadian di sebuah kilang pengisar daging. Difahamkan, kejadian berlaku kira-kira jam 6.30 petang di Taman Sentosa di sini, semalam. Tangan kanan mangsa warga Indonesia yang hanya dikenali sebagai Fara berusia lingkungan 20-an hancur sehingga ke pergelangan tangan.



Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Andalas, Muhammad Yatim Noor Mohd berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan. Menurutnya, pihaknya yang tiba dapati mangsa sedang menahan kesakitan kerana tangan kanannya tersepit pada mesin mengisar daging. "Kita terpaksa membuka mesin pengisar terbabit bagi mengeluarkan tangan mangsa yang tersepit." Operasi mengambil masa kira-kira lima minit berjaya mengeluarkan tangan mangsa," katanya. Tambahnya, mangsa yang masih trauma itu kemudiannya diserahkan kepada pihak paramedik sebelum dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang untuk rawatan lanjut.